

Menjaga keamanan dunia

Perluas kuasa

PBB: Mahathir



Daripada **HANIFF HADI**

BANGSA-BANGSA BERSATU, Rabu — Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, pendemokrasian Pertubuhan **Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)** adalah perlu demi menjamin kedaulatan dan kemerdekaan negara-negara kecil yang menjadi anggota **majoriti badan** dunia itu.

Sehubungan itu, katanya, masyarakat dunia juga harus menimbang kemungkinan mewujudkan organ kehakiman PBB dalam bentuk sebuah mahkamah antarabangsa sebagai satu cara menyelesaikan konflik antara negara menurut undang-undang.

Perdana Menteri menegaskan Malaysia menyertai suara dunia supaya PBB diberi kuasa lebih luas untuk mendaftar dan mengeluarkan permit sebarang penjualan senjata.

"Pendaftaran senjata adalah langkah pertama untuk memberikan kuasa menyeluruh kepada PBB mengenai perlucutan senjata," katanya hi Perhimpunan Agung ke-46 PBB di sini petang semalam (pagi ini di Malaysia).

pengawas seperti yang kita pelajari selepas Perang Teluk. Tetapi adakah badan pengawas itu dianggotai oleh mereka yang melantik diri mereka sendiri atau yang dikuatkuasakan oleh PBB?

"Tindakan badan pengawas harus tertakluk kepada prinsip dan undang-undang. Menyerang dan memaksa sebuah negara yang menderita kebuluran hanya sesuai di zaman dulu," katanya.

Menurutnya, PBB yang bertindak sebagai badan pengawas di Iraq seharusnya memperluaskan peranan itu kepada memusnahkan semua senjata nuklear.

"Lebih penting daripada itu, PBB mesti mengawasi ciptaan dan pengeluaran senjata berbahaya lain. Senjata digunakan untuk pertahanan saja dan tidak seharusnya digunakan untuk menyerang.

Beliau berkata, jika demokrasi adalah sistem kerajaan dalam negara, tidakkah wajar demokrasi juga perlu wujud di antara negara.

"Di PBB, kita semua sama, tetapi lima negara lain adalah lebih besar berbanding 166 yang lain. Tujuh negara dengan sewenang-wenangnya menentukan undang-undang yang menyebabkan kesan buruk kepada negara lain.

"Beberapa negara pula menentukan Orde Dunia Baru. Blok perdagangan yang kuat mengenakan sekatan dan undang-undang di luar kawasan mereka. Jelasnya kedudukan negara-negara hi dunia tidak sama; tidak di PBB atau di mana-mana. Jika demokrasi ialah konsep yang begitu adil, mengapa pula kita mesti menerima ketidakadilan di antara negara," katanya.

Menurutnya, semua itu mengarah kepada hubungan tidak demokratik di antara negara.

Beliau berkata, jika kita mahu demokrasi antarabangsa seperti yang ditaja oleh PBB bermakna dan berkesan, perlu ada gabungan idea dan realiti masakini.

"Dunia perlukan badan

"Malaysia menyertai delegasi lain di perhimpunan ini untuk berusaha ke arah mewujudkan pendaftar senjata PBB sebagai langkah pertama memberikan PBB kuasa menyeluruh bagi perlucutan senjata," katanya.

Menurutnya, senjata hanya digunakan untuk menentang penjenayah dan jika ada negara yang menghadapi pembertarikan, PBB harus campurtangan untuk mengatasinya.

Beliau berkata, kerajaan demokratik sepatutnya hanya boleh dijatuhkan melalui proses demokrasi.

"Apa saja yang melampaui proses demokrasi memerlukan campurtangan PBB," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, dunia mengancam perang senjata kimia tetapi kita masih mempunyai senjata nuklear di sekeliling kita. Beliau mempersoalkan pemilik senjata berkenaan mengenai bahayanya jika ia jatuh ke tangan pemimpin yang tidak bertanggungjawab.

Lantaran itu, Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan bahawa negara-negara kecil seper

UHAT MUKA 2

Kuasa besar cuba ambil kesempatan

BH 26 SEP 1991
DARI MUKA T

ti Malaysia berhak membuat tafsiran sendiri mengenai demokrasi dan cara mengalmkannya tanpa mengikut telunjuk kuasa demokrasi besar dunia.

Beliau berkata, tafsiran demokrasi penting kerana ada kumpulan dan kuasa besar cuba mengambil kesempatan menjajah negara yang sudah mencapai kemerdekaan.

"Kita boleh menerima asas demokrasi. Selainnya kita tafsir dan amalkan sendiri. Demokrasi tldak akan bererti jika kita tidak mempunyai hak memilih langsung atau jika rakyat kita sentiasa tertakluk kepada keadaan tidak stabil, gangguan dan lemah dalam ekonomi yang membolehkan kuasa demokra-

si besar memeralatkan kita," katanya.

Beliau adalah tokoh kelima yang menyampaikan ucapan di perhimpunan itu, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, demokrasi bermakna pemerintahan majoriti. Walaupun kumpulan minoriti mempunyai hak, ini tidak bermakna hak itu meliputi tidakkan hak kumpulan majoriti.

"Kumpulan majoriti tidak boleh menekan kumpulan minoriti tetapi jika kumpulan minoriti menggunakan hak mereka tanpa bertanggungjawab, menjadil ejen demokrasi asing dan cuba melemahkan negara sendiri untuk kepentingan kuasa demokrasi tertentu, apakah majoriti perlu tunduk kepada minoriti semata-mata atas nama demokrasi," soalnya.